



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
BLOK 2G 1B, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
PRESINT 2, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62596 PUTRAJAYA.

Tel. 03-88822100.

Faks 03-88895869.

Web: <http://www.customs.gov.my>

Ruj Kami : KE.HF(11)664/01Klt. 16 (2)

Tarikh : 9 Oktober 2007

Presiden
Malaysia Institute Of Taxation
Unit B-13-2, Blok B
13th Floor Mega Evenew 2
No.12, Jalan Yap Khuan Seng
50450 Kuala Lumpur.

(up: Dr. Veerindergeet Singh)

Tuan,

**Pemansuhan Threshold Ke Atas Semua Perkhidmatan Professional
Termasuk Perkhidmatan Perundingan dan Pengurusan Dalam Jadual
Kedua Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 2008 berkaitan perkara di atas.

2. Dimaklumkan perkhidmatan-perkhidmatan berikut telah dimansuhkan thresholdnya mulai 1 Januari 2008;

- i. Perakaunan
- ii. Guaman
- iii. Kejuruteraan
- iv. Arkitek
- v. Jurukur, penilai, penaksir dan ejen harta tanah
- vi. Perunding
- vii. Pengurusan

3. Implikasi dari pemasuhan threshold berkenaan adalah:


- i. Semua perkhidmatan berkenaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 Januari 2008 tanpa mengira threshold dan perlu dilesenkan.



- ii. Peniaga yang belum mencapai threshold yang berkuatkuasa pada masa ini (RM150,000.00), boleh memilih samada untuk dilesenkan lebih awal atau selewat-lewatnya pada 1 Januari 2008.
 - iii. Peniaga yang mencapai threshold sebelum 1 Januari 2008, perlulah dilesenkan mengikut perundangan sediaada.
4. Selaras dengan pengumuman belanjawan tersebut, kerjasama tuan dipohon bagi memastikan semua ahli pertubuhan tuan memohon lesen cukai perkhidmatan berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan.
5. Kerjasama tuan sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(SHAHARUDDIN BIN IBRAHIM)
Bahagian Cukai Dalam
Cawangan Cukai Perkhidmatan
b.p Ketua Pengarah Kastam
Malaysia

Sk;

- i. Ketua Pengarah Kastam
- ii. Tim. Ketua Pengarah Kastam (Operasi)
- iii. Pengarah Kastam
Bahagian Cukai Dalam
- iv. Pengarah Kastam Negeri
- v. Ketua Bahagian Cukai Dalam

